



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**06 SEPTEMBER 2017 (RABU)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |                                    |    |
|------------------------------------|----|
| - MCA Pandan gesa naik taraf jalan | 39 |
| - Jamal buat gimik pecah meja      | 39 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
06 SEPTEMBER 2017 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	MCA Pandan gesa naik taraf jalan
Muka Surat	39

## MCA Pandan gesa naik taraf jalan

SH 6/9/2017 m/s 39



Perjalanan pengguna terganggu apabila terpaksa menempuh Jalan Bunga Mawar yang sesak.

AMPANG – MCA Bahagian Pandan menggesa kerajaan negeri dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengkaji dan menaik taraf Jalan Bunga Mawar berhampiran Pasar Pagi Taman Muda bagi mengatasi isu kesesakan lalu lintas di kawasan itu.

Ketua MCA Bahagian Pandan, Datuk Leong Kok Wee berkata, ia berikutan aduan diterima daripada masyarakat termasuk penjaja dan peniaga pasar berhampiran yang terpaksa menempuh kesesakan selama kira-kira 30 minit.

"Jalan ini adalah laluan paling sesak di kawasan Parlimen Pandan dan terdapat pengguna yang mengeluh kerana terpaksa mengharungi kesesakan di persimpangan

jalan raya hampir setengah jam.

"Kami berharap pihak berkenaan dapat mengeluarkan peruntukan bagi kerja menaik taraf termasuk melebarkan jalan di sekitar kawasan Pasar Pagi Taman Muda ini," katanya.

Beliau berkata, pihaknya berharap kerja menaik taraf jalan dua lorong kepada empat lorong itu dapat memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya kelak.

"Saya difahamkan hampir lapan tahun penduduk membangkitkan isu ini. Selain itu, pembinaan sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina berhampiran dapat dilaksanakan setelah jalan ini dinaiktarafkan kepada empat lorong kerana ia perlu menepati syarat pihak berkuasa

tempatan," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Sementara itu, Timbalan Ketua Biro Perkhidmatan dan Aduan Awam Gerakan, Ben Liew Pok Boon berkata, pihaknya dimaklumkan bahawa kerajaan negeri bercadang memperuntukkan sejumlah RM600 juta sebagai siling peruntukan Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) Tahun 2017 kepada agensi pelaksana.

"Kami berharap peruntukan itu tidak disalahgunakan pihak tidak bertanggungjawab kerana ia harus digunakan secara telus untuk menyelenggarakan jalan supaya penduduk tidak menderita dengan keadaan jalan yang rosak," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
06 SEPTEMBER 2017 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Jamal buat gimik pecah meja
Muka Surat	39

# Jamal buat gimik pecah meja

Gabungan NGO-NGO Malaysia gesa kerajaan negeri atasi isu premis judi

AMPANG - Pengurus Gabungan NGO-NGO Malaysia, Datuk Seri Jamal Md Yunos menggesa kerajaan negeri mengarahan pihak berkuasa tempatan (PBT) membatalkan atau menarik balik lesen Pusat Hiburan Keluarga kerana diperlakukan ia di-salahgunakan sebahagian pihak.

Menurutnya, lesen berkenaan diperlakukan untuk membuка premis judi apabila terdapat kira-kira 6,800 pusat perjudian yang beroperasi di negeri ini.

"Bilangan itu semakin bertambah dan ia amat mengusikkan rakyat di negeri ini. Di daerah lain seperti Kuala Selangor, tauke judi dilihat seolah-olah kebal."

"Di Klang pula ada beratus-ratus premis judi. Sampai bila isu ini nak selesai?," katanya.

Jamal merangkap Ketua Umno Sungai Besar berkata, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali tidak seharusnya me-

nuding jari kepada polis untuk menyelaikan isu premis judi.

"Polis dakwa premis berkenaan ada lesen. Bagaimana mereka nak bertindak? Jika kita mahu melihat polis bertindak, kerajaan negeri melalui PBT perlu batalkan lesen itu," katanya.

Beliau berkata, dirinya turut diugut pengusaha premis berkenaan akibat tindakan tegas dan sikap seriusnya mengatasi masalah premis judi di negeri ini.

"Kami tidak mahu bergaduh dengan tauke judi tetapi di manakah penguat kuasa di negeri ini? Kita tidak mahu rakyat di negeri ini menjadi penyamun dan perompak akibat menjadi tahi judi."

"Kita akan memanggil rakan NGO lain bermesyuarat untuk menangani isu premis judi dan kita mahu negeri ini bebas dari gejala mesin judi," katanya pada sidang media di sini, semalam.

**Di Klang pula ada beratus-ratus premis judi. Sampai bila isu ini nak selesai?"**

- Jamal

Sidang media itu turut menyaksikan Jamal mengayunkan penkul untuk memecahkan sebuah meja bagi menunjukkan tindakan yang akan diambilnya.

Beliau turut menegaskan jika majlis (PBT) tidak mengambil tindakan dalam tempoh dua minggu lagi jangan salah pihaknya serta rakan-rakan NGO bertindak di luar daripada lunas undang.

"Sudah menjadi tanggungjawab kami selaku pemimpin-pemimpin NGO dalam Negeri Selangor ini untuk membanteras gejala sebegini," katanya.



Jamal memecahkan sebuah meja menggunakan tukul sebagai simbolik kepada usaha serius Gabungan NGO-NGO Malaysia memerangi aktiviti perjudian di Selangor.